

07/07/1997

Magendran bangga takluk puncak Gunung Everest

Mohamad Muda

SAYA mencebur diri dalam kegiatan mendaki gunung sejak 11 tahun lalu.

Gunung pertama yang saya daki ialah Gunung Datuk di Negeri Sembilan. Ketika mendaki gunung itu saya bercita-cita untuk mendaki gunung yang lebih tinggi.

Untuk mencapai cita-cita itu, saya mendaki gunung tertinggi di Semenanjung Malaysia iaitu Gunung Tahan.

Sewaktu mendaki gunung ini, saya menyemat cita-cita yang sama iaitu mendaki gunung yang lebih tinggi.

Akhirnya saya mendaki Gunung Kinabalu.

Di puncak gunung ini saya terus memupuk cita-cita iaitu mendaki gunung yang bukan sahaja lebih tinggi, malahan bersalji.

Hasrat saya tercapai apabila pada suatu hari membaca iklan bahawa Kementerian Belia dan Sukan dan Persatuan Pendaki Malaysia menganjurkan ekspedisi ke Gunung Everest.

Saya memohon dan dipilih untuk mengikuti ekspedisi itu.

Lebih 100 orang dipilih menjalani latihan.

Setelah melalui pelbagai tapisan dan latihan, 25 daripadanya termasuk saya dipilih mengikuti latihan akhir selama dua tahun setengah.

Dalam tempoh ini kami dilatih dengan pelbagai aspek latihan di dalam dan luar negara.

Tujuannya ialah melatih kami terutama dari segi ketahanan fizikal dan mental.

Selepas menjalani latihan akhir tahun lalu, cuma 10 orang terbaik dipilih untuk mendaki Gunung Everest.

Kami memulakan ekspedisi pada 1 Mac. Semua anggota berlepas ke Kathmandu pada 1 Mac, tetapi saya tidak dapat berbuat demikian.

Saya telah dipertanggungjawab menguruskan peralatan ekspedisi ke Gunung Everest.

Hampir keseluruhan peralatan yang digunakan dalam ekspedisi itu ditempah khas dari Amerika Syarikat, Itali dan New Zealand.

Oleh kerana peralatan yang ditempah itu lambat sampai, saya terpaksa menunggu dan hanya bertolak ke Kathmandu dua hari kemudian iaitu pada 3 Mac.

Sayalah orang yang terakhir ke Kathmandu.

Dari Kathmandu kami bertolak ke Everest Base Camp.

Dalam rangka menyesuaikan diri dari Base Camp ke kem-kem yang lebih atas, lima orang terbaik dipilih untuk menjalani percubaan ke puncak Gunung Everest itu.

Dalam proses penyesuaian diri, saya terpilih sebagai salah seorang yang terbaik.

Oleh itu, saya bersama empat lagi rakan dipilih untuk membuat percubaan seterusnya.

Mungkin ada yang tertanya-tanya kenapa kami selalu turun naik gunung itu dan tidak terus ke puncak.

Sebenarnya, kalau Gunung Jerai atau Gunung Datuk, kami boleh mendakinya terus ke puncak, tetapi tidak bagi Gunung Everest. Ini kerana Base Camp di gunung ini sahaja lebih tinggi daripada Gunung Kinabalu iaitu 5,400 meter.

Jadi untuk mendaki gunung yang sebegitu tinggi kami harus menyesuaikan diri.

Itulah sebabnya kami terpaksa turun dan naik gunung itu.

Dari Base Camp kami naik ke Kem Satu kemudian turun semula ke Base Camp.

Setelah berehat sehari dua kami mendaki ke Kem Satu lagi. Setelah bermalam di Kem Satu, keesokannya kami naik ke Kem Dua. Kami terpaksa turun semula ke bawah dan naik semula ke kem yang lebih tinggi pada hari berikutnya.

Begitulah yang terpaksa kami lakukan dari semasa ke semasa untuk menyesuaikan diri.

Percubaan pertama kami menakluk puncak Gunung Everest gagal kerana pada hari itu cuaca buruk. Pada hari itu juga seorang daripada sherpa kami meninggal dunia apabila tergelincir dan jatuh 600 meter ke bawah iaitu dari kem tiga ke kem dua.

Bayangkan ketinggian ini sebenarnya jauh lebih tinggi daripada Menara Kuala Lumpur.

Kami terpaksa turun semula ke Base Camp dan berehat selama seminggu sebelum membuat percubaan terakhir.

Selain tidak mempunyai masa, cuaca juga buruk sepanjang masa.

Kami berasa bimbang kemungkinan balik ke tanah air tanpa mendaki Gunung Everest.

Kami diam sahaja, masing-masing tidak bercakap antara satu sama lain. Begitu juga gurauan.

Ada juga yang mengatakan jika kami tidak sampai di puncak Gunung Everest, lebih baik jadi penduduk tetap di Nepal sahaja.

Sesungguhnya kami berasa sedih kerana cuaca tidak mengizinkan kami teruskan pendakian.

Pada waktu itu masing-masing sudah monyok. Kami bersyukur kepada tuhan dan berkat doa rakyat Malaysia, pada 18 Mei cuaca mula berubah.

Kami naik semula ke Kem Dua. Pada 19 dan 20 Mei, di Kem Dua cuaca buruk kembali.

Pada 21 Mei kami naik ke Kem Tiga dan pada 22 Mei kira-kira jam 5.00 pagi kami bertolak dari Kem Tiga ke Kem Empat.

Tengah hari kami sampai di Kem Empat.

Pada hari itu walaupun cuaca baik tetapi angin bertiup dengan kencangnya. Kami hanya duduk bertahan di dalam khemah, tidak boleh keluar. Pada hari yang sama kami berjalan menuju ke puncak pada jam 11.00 malam.

Dalam perjalanan, jam 4.00 pagi, salah seorang rakan saya terpaksa berundur kerana menghadapi masalah kesihatan.

Kami sedih kerana selama latihan kami bagaikan adik-beradik tanpa mengira agama dan bangsa. Kami mempunyai persefahaman dan koordinasi yang begitu baik.

Tetapi apakan daya, Mohd Fauzan terpaksa turun ke Kem Empat dan kami bertiga meneruskan perjalanan.

Setelah sejam mendaki, seorang lagi rakan kami itu Gary Chong terpaksa akur dengan keadaan kesihatannya.

Beliau sudah kebas dan kaku serta tidak boleh menggerakkan jari lagi. Beliau dinasihatkan turun oleh sherpa.

Walaupun berasa sedih, kami menguatkan semangat.

Saya bersama Mohanandas terus mendaki dan akhirnya pada pukul 11.55 pagi, 23 Mei saya menjadi rakyat Malaysia pertama berjaya ke puncak Gunung Everest.

Perasaan saya pada masa itu walaupun bangga, sedih pun ada kerana dua orang rakan kami tidak dapat bersama.

Pendek kata bermacam-macam perasaan ketika itu.

Kami juga difahamkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sedang menyaksikan pendakian kami secara langsung dari London. Begitu juga pemimpin dan rakyat Malaysia di tanah air.

Apabila tiba di puncak, kami berasa sungguh bangga kerana dapat mengharumkan nama negara.

Ada yang mengatakan kami telah menebus maruah negara.

Sebenarnya maruah negara tidak pernah tergadai.

Kami cuma mengharumkan nama negara yang sememangnya sedia terserlah.

Ada juga pihak yang bertanya, macam mana saya boleh menghubungkan bilik darjah dengan gunung.

Kata mereka, gunung dan bilik darjah jauh berbeza dan tiada kaitan langsung.

Tetapi saya sudah buktikan bahawa mendaki gunung ada kaitannya dengan pembelajaran di bilik darjah.

Antaranya ialah bekerja dalam satu kumpulan, berdedikasi, sanggup berkorban, tidak kenal putus asa, saling hormat menghormati dan daya juang yang tinggi.

(END)